

KOMPETENSI GURU PENDIDIKAN KHAS TERHADAP MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN: KAJIAN LITERATUR

Siti Rubiyani Bt Omar^{1,a}, Noradilah Binti Abdul Wahab^{2,b}, Mohd Shahril bin Othman³, Abdullah Bin Yusof⁴, Raihan Binti Arifin⁵

^{1,2,3,4,5}Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

^arubiyani76@gmail.com, ^badilahphd@yahoo.com

Kata kunci: Kompetensi Guru; Pendidikan Khas; Murid Bermasalah Pembelajaran.

Keywords: Teacher Competence; Special education; Students Learning Disability.

Abstrak. Kompetensi guru merupakan keperluan dalam dunia pendidikan dan akan sentiasa berkembang dari masa ke semasa sesuai dengan peredaran zaman dan perubahan 'iklim' persekitaran. Kompetensi guru adalah mempunyai kecekapan yang tinggi dari segi pengetahuan, kemahiran dan juga sikap. Guru yang berkompetensi dapat meningkatkan kemenjadian murid khususnya murid pendidikan khas. Guru yang tidak berkompetensi tidak mampu menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kompetensi guru pendidikan khas terhadap murid bermasalah pembelajaran. Kajian ini merupakan kajian literatur yang berfokuskan kepada kajian-kajian dan pengamatan terhadap kajian lepas. Implikasi dapatan ini diharap dapat mengetahui kepentingan guru yang berkompetensi terhadap murid pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Dengan memberi intervensi yang bersesuaian dapat membantu meningkatkan daya tumpuan mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Abstract. Teacher competence is a requirement in an education world in producing skilled and highly skilled workforce in terms of knowledge, skills and attitudes. Competent teachers can increase the success of students, especially for special education students. Incompetent teachers cannot produce effective teaching and learning processes. The purpose of this study is to know the competence of special education teachers towards problematic learners. This study is a literature review that focuses on studies and observations of past studies. The implication of this finding is to know the importance of competent teachers to the problematic education students. By providing appropriate interventions can help increase their concentration while teaching and learning.

PENGENALAN

Malaysia sedang melalui fasa- fasa terakhir sebelum mencapai wawasan 2020 dan permulaan TN 50. Lantaran itu keperluan terhadap penyediaan modal insan yang mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi semakin mendapat perhatian, baik di pihak kerajaan atau masyarakat (Ismail, Rohana & Amirnudin, 2013).). Arus dunia globalisasi juga telah memberi impak yang tinggi sehingga mencetuskan perubahan dalam dunia pendidikan di Malaysia. Kompleksiti yang berlaku dalam transformasi pendidikan memerlukan kepimpinan yang cekap dan berupaya menterjemah serta melaksanakan sebarang dasar, polisi, inovasi serta program kemajuan pendidikan bagi menambahbaik dan kecemerlangan sekolah yang berterusan (Norasmah & Rofilah, 2013).

Sistem pendidikan Malaysia juga telah melalui pelbagai tranformasi kurikulum dan penandaarasan dengan kurikulum negara-negara maju lain bagi memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan setanding dengan pendidikan global (Wan Ezielia, 2014). Menurut Kulanz Salleh (2008), transformasi merupakan satu peralihan dari satu dimensi ke satu dimensi yang lain, dan berbeza daripada keadaan senario sedia ada yang sudah berlegar dalam ruang pemikiran ke satu ruang yang lain dan semestinya lebih baik. Usaha yang berterusan bagi meningkatkan tahap pendidikan adalah penting kerana perubahan terhadap cara atau sesuatu teknik pengajaran yang betul memerlukan masa dan komitmen yang tinggi (Datnow, 2006).

Manakala menurut Nur Syairah Ayob (2010), tranformasi merupakan proses melakukan satu bentuk perubahan yang holistik berdasarkan kurikulum persekolahan sedia ada dengan mengambil kira keperluan perubahan kepada aspek asas kurikulum iaitu struktur kandungan, pedagogi, peruntukan masa, kaedah pentaksiran, bahan kurikulum dan pengurusan sekolah. Kurikulum merupakan sebahagian daripada komponen yang menggerakkan proses pendidikan. Kefahaman tentang kurikulum akan memberi kelebihan kepada pendidik bagi melaksanakan program pendidikan secara lebih berkesan (Abdul Rahim, 2007).

Manakala reformasi dalam sistem pendidikan yang berlaku di Malaysia menuntut penambahbaikan dilaksanakan untuk

keberkesanan sekolah. Bahkan banyak kajian luar dan dalam negara telah membuktikan bahawa tuntutan penambahbaikan sekolah telah mengakibatkan tekanan dan kepelbagaian dalam tugas dan tanggungjawab pengetua (Harris, 2004; Timperley, 2005; Wright, 2008, Shahril et. al., 2010; Hulpia & Gevos, 2010). Modal insan mula digunakan secara meluas selepas Rancangan Malaysia Kesembilan dibentangkan untuk dilaksanakan, yang memberi penekanan terhadap penguasaan ilmu pengetahuan melalui pendidikan (Ismail, Rohana & Amirmudin, 2011). Sistem pendidikan melalui sistem persekolahan, merupakan elemen penting bagi sesebuah negara dalam usaha menuju ke arah membangunkan masyarakat dari segi ekonomi, politik dan sosial (Khairul Azri, 2011). Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memainkan peranan yang sangat penting dalam membawa perubahan pendidikan di Malaysia sejak sekian lama yang membawa misi untuk membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia. Di samping memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara (Khairul Azri, 2011).

Walaubagaimana pun, mutu pendidikan bukan sahaja berkait dengan mutu pengajaran termasuk sikap guru dan kesediaan murid untuk belajar, tetapi dipengaruhi oleh faktor bagaimana pendidikan bermutu diwujudkan melalui pengurusan pendidikan yang bukan sahaja bersistem, berkesan dan cekap bahkan juga harmonis dan berteraskan ilmu (Meja Pengarang Jurnal Pendidikan, 1992). Namun, dunia tanpa sempadan ini menyaksikan peranan guru semakin mencabar. Beban guru semakin berat sehingga menuntut kesabaran serta ketanggungan yang hebat (Abdullah Md. Din, 2011; Mohd Kamal Hassan, 2011). Guru juga turut berhadapan dengan cabaran ledakan teknologi maklumat (Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2013).

Secara realiti, selain daripada mengurus pembelajaran murid dalam bilik darjah sebagaimana yang telah disediakan dari segi kurikulum dan sukatan mata pelajaran, tugas guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pengkhususannya mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (Norasmah & Rofilah, 2013). Lantaran itu, guru yang berkompetensi diperlukan bagi merealisasikan harapan negara. Kompetensi merupakan kemampuan dan kecekapan seseorang individu dalam melaksanakan tugas yang diperoleh melalui pendidikan, prestasi dan perbuatan yang rasional bagi memenuhi spesifikasi tertentu dalam pelaksanaan tugas-tugas pendidikan (Fauzi, 2008). Kecekapan yang dimiliki oleh seseorang individu dapat diukur, dinilai, dibentangkan dan ditangani melalui kod kelakuan di tempat kerja (Ariffin, 2006). Guru yang berdedikasi dan dinamik juga memainkan peranan penting terhadap pembangunan negara kerana program pendidikan yang terancang dengan rapi mampu merealisasikan impian negara (Ismail, Rohana, & Amirmudin, 2011).

Seiring perkembangan pendidikan dunia, bidang pendidikan khas juga tidak ketinggalan. Pendidikan Khas merujuk kepada pendidikan bagi kanak-kanak luar biasa dari segi intelek, fizikal, sosial dan emosi yang tidak mencapai pertumbuhan untuk belajar seperti kanak-kanak normal yang lain (Mazlina, 2013). Pendidikan yang bersesuaian dengan keperluan dan kebolehan kanak-kanak yang pelbagai juga perlu disediakan (Crystal Joan Peter, Emeliana, Mohd Sofi, 2010). Menurut Peraturan Pendidikan Khas 2016:

Pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas di suatu sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Program Pendidikan Inklusif (PPI) pada peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah atau pendidikan lepas menengah. Dalam sistem Pendidikan Khas di Malaysia, PPKI merupakan penyumbang utama enrolmen Murid Berkeperluan Khas (MBK) dan dilaksanakan di seluruh negara.

Murid khas merupakan sekumpulan pelajar yang kurang upaya dan mengalami masalah pembelajaran. Mereka memerlukan pendidikan dan perkhidmatan khusus bagi memperkembangkan potensi dan kemajuan sendiri pelajar. Manakala Pendidikan Khas pula merujuk kepada pengajaran yang direka khusus bagi melengkapkan keperluan pelajar yang berkeperluan khas dengan bahan-bahan yang bersesuaian, teknik pengajaran yang luar biasa serta kemudahan-kemudahan yang tertentu (Hallahan & Kauffman, 1986; Akta Pendidikan, 1996). Usaha yang berterusan bagi menggalakkan perkembangan optima seseorang individu sebagai seorang yang berkemahiran, berhaluan, berupaya, beriman, berdikari, mampu merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Jabatan Pendidikan Khas, 2005).

Kerajaan telah menggubal kurikulum khas bagi kumpulan pelajar dalam spektrum ketidakupayaan yang ringan, sederhana dan teruk melalui pelbagai tahap kefungsiannya daripada tinggi hingga rendah yang dikenali sebagai Kurikulum Pendidikan Khas Bermaalah Pembelajaran (PKBP). Kurikulum ini diguna berasaskan kepelbagaian keupayaan individu berkeperluan khas yang tidak dapat menerima manfaat daripada program pendidikan arus perdana. Reka bentuk kurikulum ini bersifat fleksibel bagi membolehkan guru mengembangkan bakat dan potensi yang sedia ada (Mohd. Sofi, Rohana & Amirmudin, 2010).

Hasrat menjadikan sistem pendidikan di Malaysia yang holistik, progresif, bermoral dan bertaraf dunia suatu hasrat yang perlu direalisasikan. Penglibatan oleh semua pihak adalah sangat diperlukan untuk melihat hasrat tersebut mencapai kejayaan. Bagi melihat penyediaan pendidikan murid berkeperluan khas diberikan sama rata dengan apa yang

dinikmati oleh pelajar arus perdana, pengurusan pendidikan khas juga perlu membuat anjakan paradigma dan melakukan transformasi ke arah yang lebih baik (Chua Tee Tee & Koh Boh Boon, 1992). Kompetensi dan peranan guru adalah sangat mencabar dalam menghadapi kepelbagaian kerenah murid berkeperluan khas. Dalam konteks Malaysia, penekanan kepada kebolehan, kefungsi, kemahiran, perkembangan, penguasaan dan pencapaian kanak-kanak berkeperluan khas dalam pengembangan kemahiran-kemahiran (developmental skills). Hal ini selaras dengan matlamat pendidikan khas di Malaysia sebagai kesinambungan program yang bermutu bagi memenuhi keperluan dan kebolehan khusus kepada kanak-kanak berkeperluan khas dalam persekitaran biasa (Mohd. Sofi, Rohana & Amirmudin, 2010).

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kerajaan telah memberi kesamarataan pendidikan kepada semua pelajar yang ada di Malaysia. Pendidikan Khas merupakan perkhidmatan pendidikan yang diwujudkan khusus untuk memenuhi keperluan pendidikan untuk murid berkeperluan khas. Perlaksanaannya bukan sahaja dengan mewujudkan Sekolah Pendidikan Khas malahan Program Pendidikan Integrasi dan pendekatan inklusif juga dibangunkan bagi memenuhi keperluan murid berkeperluan khas ini.

KOMPETENSI GURU PENDIDIKAN KHAS

Guru berperanan sebagai nadi dalam memperkukuh dan memajukan bidang pendidikan negara yang sememangnya tidak dapat disangkal. Peranan guru sebagai agen perubahan boleh direalisasikan melalui fungsinya sebagai wadah penyampai ilmu, pencorak minda dan pembentuk sahsiah. Guru seharusnya bertindak sebagai pengerak kepada transformasi pendidikan negara bagi melahirkan generasi akan datang yang tinggi keupayaan kognitif, penuh dengan nilai murni dan kuat pegangan ajaran agamanya (Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2012). Guru juga berperanan penting dalam melahirkan generasi yang berkualiti pada masa akan datang (Buntat, 2010). Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi atau “*personality traits*” yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab (Noraidah Johari, 2014; Mohammed Sani et. al., 2015). Menurut Kamus Dwi Bahasa Dewa, kompetensi merupakan istilah Bahasa inggeris iaitu *competence* yang bermaksud kelayakan, kemampuan, kesanggupan, dan kecekapan untuk melakukan sesuatu tugas (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999). Manakala Daud Ibrahim (2003) dan Kamaruddin (2007) mendefinisikan kompetensi sebagai “*competence, proficiencies, skillful and skill*”. Kompetensi merupakan gabungan antara aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Prinsip asas dalam model kompetensi menjelaskan bahawa prestasi seseorang pegawai perkhidmatan awam akan meningkat sekiranya mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan dan jawatan. Kompetensi boleh mendorong individu untuk bertindak secara lebih efektif (Yusnita, 2003).

Selain itu, kompetensi guru juga dikaitkan dengan elemen-elemen personal, profesional dan sosial seperti aspek pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, mengurus proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti (Noraidah Johari, 2014). Kompetensi merupakan ukuran yang ditetapkan bagi seseorang guru dalam menguasai pelbagai peringkat kompetensi yang diperlukan bagi memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat (Siraj, 2012; Shamsinar, 2017). Kompetensi amat diperlukan bagi menentukan keberkesanan persembahan (Mahazani, 2010) kerana ia melihat kemampuan dan kecekapan yang diperlihatkan seseorang ketika melakukan sesuatu tugas atau pekerjaan (Lubis, 2008), lebih-lebih lagi guru pendidikan khas. Guru pendidikan khas harus mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan bijaksana bagi mengurus tingkah laku pelajar secara professional berlandaskan falsafah pendidikan dan teori tingkah laku yang bersesuaian (Noor Aini & Norhafizah, 2015). Menurut Noraini, Faridah, Manisah dan Safani (2001), kemahiran dan kecekapan guru pendidikan khas adalah penting ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Pengajaran yang bersesuaian dengan tahap dan kebolehan setiap pelajar bermasalah pembelajaran dapat menentukan kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan (Noraini et. al., 2001). Menurut (Noor Aini & Norhafizah, 2015), suasana pembelajaran yang kondusif, hubungan yang positif di antara guru pendidikan khas dengan pelajar adalah penting kerana kebanyakan murid bermasalah pembelajaran mempunyai konsep sendiri yang rendah. Guru pendidikan khas juga perlu menyediakan perancangan yang sistematik serta bersesuaian dengan keperluan pelajar bagi memastikan tingkah laku pelajar yang bermasalah dapat diuruskan secara positif.

Kompetensi guru mengandungi beberapa komponen penting dan menurut Beare (2001), terdapat lima komponen kompetensi minimum bagi menilai seorang guru. Lima komponen tersebut merangkumi kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada sekolah dan sumbangan kepada profesion.

i. Pedagogi. Pedagogi merupakan cara yang paling berkesan bagi mencapai sesuatu objektif dalam pembelajaran. Ketika sesi pengajaran berlangsung, guru-guru digalakkan untuk mempelbagaikan kaedah pembelajaran yang sesuai supaya dapat menarik minat para pelajar (Wan Azura & Lubna Abd Rahman, 2006). Justeru itu, guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting bagi mendapatkan pembelajaran yang baik (Noor Hisham, 2011). Guru perlu kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran, strategi pengajaran dan penyediaan Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) bagi

memberi lebih keberkesanan ketika menyampaikan isi pelajaran di dalam kelas (Buntat, 2010). Bagi pelajar yang mengalami masalah pembelajaran, guru-guru perlu mamahami potensi, kemampuan, identifikasi kelemahan yang dialami oleh pelajar. Menggunakan pendekatan, strategi, metode, dan teknik tertentu bagi menarik minat pelajar.

ii. Kurikulum. Kompetensi guru juga diukur berdasarkan profesionalisme keguruan dan kemampuannya dalam menguasai mata pelajaran yang diajar selain penguasaan terhadap perancangan pembelajaran, keterkaitan dengan mata pelajaran, dan bahan ajar. Selain itu, guru dituntut menguasai pengetahuan tentang isi kandungan kursus yang diajar dan sentiasa mengemaskini (Beare, 2001). Kurikulum pendidikan khas boleh diubahsuai mengikut potensi murid (K.A Razhiyah, 2005). Contohnya subjek pengurusan diri, pengurusan tingkah laku dan dan asas 3M boleh dilakukan dalam aktiviti lapangan dan lawatan sambil belajar.

iii. Penilaian. Kompetensi penilaian merupakan proses untuk mendapatkan maklumat bagi sesuatu pembelajaran dan pengajaran sebagai suatu usaha memperbaiki dan mempertingkatkan kaedah serta teknik PdP supaya lebih berkesan (Saedah Siraj & Mohammed Sani, 2012). Menurut Muhammed Sani, Ahmad Zabidi dan Husaina Banu (2015), kompetensi penilaian merujuk kepada kecekapan seseorang guru dalam menilai kerja pelajar serta menganalisis data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber penilaian. Manakala Carlo Magno (2013) menyatakan bahawa kompetensi penilaian perlu meliputi aspek perancangan, penilaian dan pelaporan. Menurut Hanafi Yasin (2016), penilaian terkini yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia untuk murid pendidikan khas masalah pembelajaran ialah Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR). Murid dinilai berdasarkan tugas kraf tangan, penternakan, perkebunan, jahitan dan masakan melalui proses amali dan folio yang dijalankan.

iv. Profesionalisme. Kompetensi profesionalisme merupakan salah satu faktor penyebab sesuatu pengajaran berjaya. Dengan memiliki aspek profesionalisme nilai keguruan dalam diri seorang pendidik akan dapat menghasilkan pengajaran yang berkesan dan berkualiti (Hyvarinen, K.Saaranen, T&Tossavainen, K., 2015). Manakala menurut Muin (2011), profesionalisme bagi seseorang guru dapat diukur melalui kemahiran dalam menggunakan pelbagai strategi pengajaran semasa melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah. Menurut Cikgu Sue (2013), antara profesionalisme guru pendidikan khas yang cemerlang ialah menjaga kecemerlangan peribadi, kecemerlangan komunikasi dan kecemerlangan pengurusan dan pentadbiran.

v. Bahasa. Kompetensi guru dari sudut Bahasa merupakan tahap kemampuan atau kebolehan seseorang guru dalam menguasai pembelajaran Bahasa dan kemahiran komunikasi dalam menuturkan Bahasa tersebut (Noor Shamshinar, et. al., 2017). Menurut Wichadee (2009) dan Nunan (1999), seorang guru Bahasa perlulah mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang Bahasa yang diajarnya dan guru tersebut juga perlu mengetahui bagaimana melaksanakan proses PdP dengan cara yang berkesan. Begitu juga dengan guru pendidikan khas perlulah mempunyai pengetahuan bahasa untuk berkomunikasi dengan pelajarannya. Pengetahuan bahasa di sini bermaksud pengetahuan bahasa sedia ada guru untuk berkomunikasi dengan pelajarannya dan memahami bahasa yang difahami oleh murid untuk mewujudkan komunikasi dua hala.

PENDIDIKAN KHAS BERMASALAH PEMBELAJARAN

Setiap pelajar yang bermasalah pembelajaran adalah unik dan berbeza dari segi keupayaan fizikal, kognitif dan tingkah laku. Namun begitu, hak mereka dalam dunia pendidikan tidak dibezakan latar belakang sosial, kaum, dan perkembangan intelek harus diberi perhatian (Osman & Ahmad Ghazie, 2007). Masalah pembelajaran menurut *Individual with Disabilities Education Act (IDEA)* (1997) merupakan masalah dalam satu atau lebih daripada proses asas psikologi yang melibatkan pemahaman atau penggunaan Bahasa sama ada pertuturan atau penulisan. Antara masalah yang dihadapi ialah kebolehan mendengar, berfikir, bertutur dan membaca yang tidak sempurna. Manakala *The National Joint Committee on Learning disabilities (NJCLD)* (1990) pula mentakrifkan masalah pembelajaran sebagai satu kumpulan masalah yang pelbagai yang mengakibatkan kesukaran yang nyata bagi mendengar, bertutur, membaca, menulis, membuat keputusan atau menyelesaikan masalah matematik. Masalah ini berpunca daripada ketidakfungsi sistem saraf pusat.

Yahya (2010) mendefinisikan kanak-kanak bermasalah pembelajaran adalah mereka yang mempunyai masalah neurological sehingga menjejaskan pemahaman, penggunaan Bahasa, pertuturan, penulisan, berfikir, membaca, menulis, mengeja dan mengira (Zalizan, 2009). Kanak-kanak bermasalah pembelajaran khusus dirujuk sebagai halangan psikologikal atau neurological terhadap gerakbalas Bahasa, sama ada lisan, tulisan, persepsi kognitif atau aktiviti psikomotor. Manakala menurut Syairah (2009), kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran tidak berupaya untuk mengikuti kelas seperti biasa. Ini disebabkan kerana mereka mempunyai masalah peribadi atau luaran yang tidak diketahui. Namun, kanak-kanak bermasalah pembelajaran ini tidak menghadapi sebarang masalah fizikal, emosi, penglihatan, pendengaran atau kecacatan mental. Antara ciri-ciri yang dihadapi oleh pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran seperti pencapaian akademik yang tidak memuaskan, lemah dalam subjek matematik dan bahasa, tidak menunjukkan minat dalam kelas, hanya berupaya memberi perhatian atau tumpuan singkat terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran, sering mengantuk, mudah lupa serta mempunyai sifat malu dan segan untuk bertanya (Sabillah, 2006).

Menurut Zalizan (2009), antara ciri-ciri lain pelajar bermasalah pembelajaran ialah sukar mempelajari kemahiran, sukar mengikut arahan dan lemah dalam memberi tumpuan. Kelemahan daya tumpuan pelajar adalah disebabkan oleh perhatian mereka mudah teralih daripada satu rangsangan ke rangsangan lain (Agus, 2003). Pelajar bermasalah pembelajaran juga merupakan antara pelajar yang berisiko dalam aspek pemahaman, dan penyimpanan maklumat disebabkan oleh daya tumpuan mereka adalah lemah (Manisah & Norizza, 2016). Selain itu, masalah ini juga menjejaskan kemahiran belajar termasuk proses pengajaran dan pembelajaran serta kerap melakukan kesalahan dalam kerja sekolah dan kerja rumah (Dogru, 2014). Antara kategori murid-murid masalah pembelajaran seperti *Disleksia*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*, *Slow Learner*, *Autisme*, *Sindrom Down*, Terencat Akal Ringan.

Justeru itu, guru yang bersifat penyayang dan membimbing murid-murid dengan penuh dedikasi dapat menjadi *'role model'* kepada pelajar. Persepsi rakan sebaya dan individu yang diterima dalam kumpulannya juga dapat menggalakkan membentuk ciri personaliti yang berkeyakinan. Iklim sekolah yang kondusif serta ada peluang penglibatan secara aktif dalam aktiviti kokurikulum pula mempengaruhi perkembangan personaliti yang positif.

PENUTUP

Kompetensi guru merupakan antara faktor penting dalam menjayakan segala matlamat pendidikan yang telah ditetapkan oleh KPM. Pelaksanaan dasar sedia ada dan dasar baru memerlukan guru yang berkemampuan. Kompetensi guru dan pihak sekolah memainkan peranan penting dalam merealisasikan kementerian murid dalam kalangan murid pendidikan khas. Semua pihak harus bekerjasama dalam usaha meningkatkan kualiti kementerian murid mengikut hasrat dan impian negara. Penambahbaikan program-program yang telah sedia ada penting bagi meningkatkan tahap kementerian dalam diri setiap pelajar yang berkeperluan khas secara khususnya. Kesabaran yang tinggi diperlukan bagi setiap guru dalam menghadapi ragam murid pendidikan khas. Kepelbagaian karenah mereka harus ditangani dengan berhemat dan bijaksana supaya dapat membentuk tingkah laku pelajar yang positif.

RUJUKAN

Abdul Ghani Abdullah. (2009). *Kepimpinan dan Penambaaian Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Pengajian Kurikulum*. Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia

Ariffin, N. (2005). Persepsi Pelajar Terhadap Sikap, Pengetahuan Dan Kemahiran Dalam Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Akademik Di Batu Pahat. Projek Sarjana.

Ariffin, S. (2006). Tahap Kompetensi Guru Sekolah Rendah Terhadap Pengajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris. Tesis Universiti Teknologi Malaysia, Jabatan Asas Pendidikan.

Bauer. (2007). International Perspective on Teacher and Lecturer in TVE.

Buntat, Y. (2010). Aplikasi Pemikiran Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Guru-Guru Teknikal Bagi Mata Pelajaran Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Johor. 1-10.

Buntat, Y. (2010). Minat Pelajar Wanita dalam Mata Pelajaran Teknik Dan Vokasional Di Sekolah. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Buntat, Y. (2012). Faktor-Faktor yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan Pelajar. Journal of Educational Psychology and Counseling, Volume 2, 175-208.

Crystal Joan Peter, Emeliana binti Elias, Mohd Sofi bin Nasr (2010) *Perkembangan kurikulum pendidikan khas teknik dan vokasional*. Edupress 2010.

Datnow A. Manda. (2006). Comments on Micheal Fullan's the future of Educational change: System thinkers in action. Journal education Change 7: 133-135.

Daud Ibrahim (2003). Mengenalpasti Masalah-masalah Dalam Melaksanakan Standard ISO 9000. Tesis Sarjana. Bangi: UKM

Dogru. S.Y. (2014). The efficacy of attention training on upskilling the children's ability to notice details and attention focusing skills. International Journal of Academic Research 6(1): 143-149.

Fauzi, D. S. (2006). Teacher Competency. Journal of Engineering Education.

Fauzi, I. (2008). Model Kompetensi: Wajarkah Sektor Awam Meniru Sektor Swasta. Jabatan Perkhidmatan Awam.

Harris, A. (2004). *Crossing Boundaries and Breaking Barriers: Distributing Leadership in Schools*. London: Specialist Schools Trust.

Hulpia, H. & Gevos, G. (2010). How Distributed Leadership Can Make a Difference in Teachers' Organizational Commitment? A Qualitative Study. *Teaching and Teacher Education*. 26: 565-575.

Hyvärinen, K., Saaranen, T., & Tossavainen, K. (2015). A Teacher's Professional Competence and Occupational Well-being – a Survey for Finnish Health Care Sector Teachers A Teacher's Professional Competence and Occupational Well-being – a Survey for Finnish, Ecer 2015, Education And Transition. European Educational Research Association. 1-3.

Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. (1989). *Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah*. Selangor: Malindo Printers Sdn Bhd

Kamarudin, N. (2007). Kesiediaan Pensyarah Dari Segi Sikap, Kemahiran Dan Pengetahuan Terhadap Pelaksanaan Penerapan Kemahiran Insaniah Di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Projek Sarjana.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2007. *Pelan Induk Pembangunan Malaysia (PIPP) 2006 - 2010*. Malaysia.

Lubis, H. (2008). Studi Kompetensi Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Pelaksanaan Evaluasi Pembelajaran Di SMA Negeri 88 Jakarta. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah: Tesis Sarjana.

Magno, C. (2013). Standards of Teacher Competence on Student Assessment in the Philippines, the Assessment Handbook, Vol. 10.

Mahazani, A. (2010). Development of a New Empirical Based Competency Profile for Malaysian Vocational Education and Training Instructors. Proc. Of The 1st UPI International Conference on Technical and Vocational Education and Training Bandung. UTHM.

Mahzan, A. (2003). Penggunaan Kamera Video Bagi Meningkatkan Kemahiran Berkomunikasi Dalam Pengajaran Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan, 113-122.

Manisah Mohd. Ali & Norizza Sahal (2016). Intervensi Meningkatkan Tumpuan dalam Pembelajaran Murid Bermasalah Pembelajaran. Jurnal Pendidikan Malaysia 4(1): 1-6.

Mior Khairul Azrin bin Mior Jamaluddin. (2011). Sisten Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran dan Pelaksanaan kearah Perpaduan Nasional. Jurnal Sosiohumanika, 4(1).

Mohammed Sani Ibrahim. et.al. (2015). Strategi implementasi pelan pembangunan pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Sofi Bin Nasri, Rohana Hamzah, Amirmudin Udin (2010) *Falsafah pendidikan kebangsaan memperkasakan peranan Pendidikan Teknik Vokasional dan Pendidikan Khas*. Edupress 2010.

Muin, F. (2011). Perwujudan Kerperibadian Guru Menuju Guru Yang Profesional. Supremasi, Volume 4 No. 2, 128-135.

Niemi, Hannele. (2011). Educating student teachers to become high quality professionals - a Finnish case - In: CEPS Journal 1 (2011) 1, S. 43-66 - URN: urn: nbn: de: 0111-opus-60642

Noor Aini Ahmad & Norhafizah Abu Hanifah (2015). Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran. Asia Pacific Journal of Educator and Education. Vil, 30, 73-88.

Noor Shamshinar binti Zakaria, Abdul Razif bin Zaini, Ahmad Zabidi bin Abdul Razak, Mohamad Rushdan, Hasmadi Hamdan, Rofian Ismail dan Mohd Redzaudin Ghazali. (2017). Kompetensi guru Bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah kementerian pendidikan Malaysia. Prosiding pendidikan.

Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2012). Guru Pendidikan sebagai murabbi: satu keperluan dalam mendepani remaja Islam abad 21. Prosiding seminar antarabangsa perguruan dan pendidikan Islam, hlm. 239-248.

- Noraidah Johari. (2014). Profesionalisme, Kompetensi Dan Mekanisme Pemantauan Kualiti Guru. Laporan akhir profesionalisme guru. Edited, 30 April.
- Noraini Mohd Salleh, Faridah Serajul Hag, Manisah Mohd. Ali, & Safani Bari. (2001). Pendidikan khas di Malaysia: Kepelbagaian pengajaran dan pembelajaran. Prosiding seminar pendidikan khas kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmah & Rofilah. (2013). Tahap kesediaan guru sekolah menengah harian mengamalkan kepimpinan tersebar. Jurnal teknologi. (Social Sciences) 64:1, 93–100.
- Nunan, D. (1999). So you think that language teaching in a profession. Part 1 TESOL matters, 9.
- Osman Hashim, & Ahmed Ghazie Ibrahim. (2007). Ke arah peningkatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan seni dalam pendidikan khas bermasalah pembelajaran. Jurnal Masalah Pendidikan, 30(1), 37–49.
- Saedah, S., Mohammed Sani, I. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. Kertas Kerja Ini Telah Dibentangkan Dalam Seminar. 1–13.
- Shahril @ Charil Marzuki, Rahimah Ahmad & Hussein Ahmad. (2010). *Kepimpinan Pengetua Menjana Modal Insan di Sekolah Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Siraj, S. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Kebangsaan.
- Timperley, A. S. (2005). Distributed Leadership: Developing Theory for Practices. *Journal of Curriculum*. 37: 395–420.
- Wan Ezielia Binti Wan Aziz. (2014). Pelaksanaan Pengurusan Kurikulum Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Menengah Kluster Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana Pendidikan. University Teknologi Malaysia. Unpublished.
- Wichadee, S. (2009). Defining the effective English language teacher: Students' and Teachers' perspectives. In A.M. Stoke (ED), JALT2009 Conference Proceedings. Tokyo: Jalt.27-35.
- Wright, L. L. (2008). Merits and Limitations on Distributed Leadership: Experiences and Understandings of Schools Principals. *Canadian Journal of Educational Administration & Policy*. 69(7): 1–14.
- Yusof, Yusnita. (2003). Kompetensi pensyarah dalam proses pengajaran: Satu kajian di Politeknik Port Dickson. Tesis Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zalizan Mohd Jelas. (Pnyt.). (2009). Pendidikan Kanak-Kanak Bekeperluan Khas: Konsep dan Amalan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.